

Usim cipta sejarah tersendiri

Universiti awam pertama wujudkan Little Free Library



Kakitangan Perpustakaan Usim bersama salah satu LFL Usim, sekali gus menjadi universiti pertama di negara ini mewujudkan Little Free Library secara rasmi.

■ SARINAH MAT KASIM

NILAI - Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) mencatat sejarah tersendiri apabila menjadi perpustakaan universiti awam pertama di negara ini mewujudkan perpustakaan mini *Little Free Library* secara rasmi serta berdaftar dengan Little Free Library Organization (LFL) berpusat di Hudson, New York.

Naib Canselor Usim, Profesor Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, perpustakaan mini itu juga yang kelima terdapat di negara ini ber-konsepkan *Take a Book, Return a Book* dan boleh diakses oleh sesiapa sahaja.

Beliau berkata, LFL Usim dengan nombor pendaftaran atau *charter number* #31743 boleh memuatkan sekitar 50 buah bahan bacaan dalam satu-satu masa.

"Perpustakaan Usim menempatkan 10 buah kotak kecil LFL Usim yang dibina berbentuk rumah minangkabau di sekitar kampus, khususnya di kawasan tumpuan utama warga kampus seperti canselori, perpustakaan, kolej kediaman dan perhentian bas.

Sebanyak empat unit LFL Usim telah siap dipasang baru-baru ini dan bakinya akan dipasang secara berperingkat," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, objektif LFL Usim diwujudkan adalah untuk membudayakan amalan membaca atau *Iqra'* dalam kehidupan harian warga universiti, sekali gus selari dengan slogan Usim

iaitu Peneraju Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli.

Selain itu, katanya, ia juga akan melibatkan warga universiti dalam khidmat komuniti kerana pengurusan LFL berbentuk sukarelawan.

"LFL Usim kini diletakkan di bawah Jabatan Perpustakaan (Pejabat Timbalan Ketua Pustakawan Kanan) dan Sekretariat Sahabat Kembara Ilmu (SKIL) dengan dibantu 47 orang sukarelawan terdiri daripada kakitangan dan mahasiswa Usim.

"Setakat ini, kita mempunyai lebih 1,100 pelbagai bahan bacaan hasil sumbangan warga kampus dan masyarakat luar, seperti buku, majalah dan jurnal.

"Perpustakaan ini tidak dikenakan sebarang yuran pendaftaran, tiada tarikh pulang dan denda lewat pemulangan. Ia dibuka 24 jam sehari dan tujuh hari seminggu serta perpustakaan mini ini milik semua orang, selain mengamalkan konsep ambil sebuah buku dan tinggalkan sebuah buku lain sebagai sumbangan," katanya.

Mengikut rekod, LFL ditubuhkan pada Mei 2015 yang diasaskan Todd H. Bol dan Rick Brooks, merupakan sebuah organisasi tidak berasaskan keuntungan yang mempunyai misi keusahawanan sosial kepada menyediakan akses buku kepada orang awam secara percuma.

Menurut laman rasmi LFL www.littlefree-library.org, sehingga September 2015, terdapat lebih 32,000 LFL dibangunkan di 70 buah negara termasuk Malaysia.